



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH**

**SEMPENA**

**PELANCARAN RUMAH BINA NEGARA**

**KG. BINTANG, TEMERLOH**

**31 OKTOBER 2016, ISNIN  
WAKTU KETIBAAN : 10.30 PAGI**

Salutasi

YBrs. Pengerusi Majlis

YB Datuk Alexander Nanta Linggi  
Timbalan Menteri I KKLW

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub  
Timbalan Menteri II KKLW

YB Dato' Hj. Shafik Fauzan bin Sharif  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas  
Tani Negeri Pahang

YB Datuk Zahidi bin Zainul Abidin  
Pengerusi RISDA

YBhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman  
Ketua Setiausaha KKLW

YBrs. Tuan Hj. Mohd Najib bin A. Samad  
Ketua Pengarah RISDA

Ahli – Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Ketua – Ketua Agensi KKLW dan Kerajaan Negeri Pahang

Rakan – rakan Media

Tuan–Tuan dan Puan–Puan yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi- tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di Kampung Bintang, Temerloh ini bagi sama-sama menjayakan Pelancaran RUMAH BINA NEGARA 2016. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak RISDA kerana telah berusaha memastikan Pelancaran RBN ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

2. Seperti kita sedia maklum, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat tentang pemilikan rumah mampu milik. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan taraf pemilikan ekuiti dan kedudukan ekonomi orang Melayu serta bumiputera di negara ini. Salah satu dari strategi untuk mencapai matlamat ini adalah menerusi Pembangunan Infrastruktur Bagi Rumah Generasi Kedua yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd. Razak Perdana Menteri Malaysia semasa dalam ucapan Bajet Tahun 2017 yang lalu.

3. Justeru itu, KKLW telah melahirkan inisiatif menerusi Transformasi Luar Bandar dengan memberikan fokus kepada Pembangunan Belia Luar Bandar iaitu mewujudkan perumahan generasi kedua luar bandar atau dikenali dengan Rumah Bina Negara. Program Rumah Bina Negara atau Rumah BN merupakan program perumahan mampu milik kepada golongan belia di kawasan luar bandar khususnya generasi kedua di bawah Kementerian ini yang dilaksanakan oleh Agensi seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

4. Kerajaan sedar bahawa generasi kedua luar bandar telah banyak menjana ekonomi menerusi aktiviti perladangan dan pertanian. Walaubagaimanapun, disebabkan beberapa faktor seperti kenaikan harga rumah, didapati masih terdapat di kalangan generasi kedua yang sudah berumahtangga namun masih lagi menginap bersama keluarga. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, 20.5% belia luar Bandar yang telah berkeluarga masih lagi menginap bersama keluarga dan tidak memiliki rumah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Bertitik tolak dari itu, Kerajaan perlu memastikan golongan belia khususnya generasi kedua di kampung-kampung tradisional yang tergolong di dalam kumpulan B40 mampu memiliki rumah pada harga yang berpatutan. Menerusi Program Rumah Bina Negara ini KKLW menawarkan seunit rumah dengan harga RM65,000. Di bawah program ini, kerajaan telah menyediakan insentif sebanyak RM20,000 bagi setiap unit rumah. Ini bermakna, generasi kedua pekebun kecil yang layak hanya perlu membuat pinjaman kewangan sebanyak RM45,000 bagi unit rumah yang dibeli dengan bayaran ansuran serendah RM250 sebulan.

6. Jumlah ansuran bulanan serendah RM250 ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membela nasib generasi kedua pekebun kecil. Dengan harga dan ansuran serendah itu, Rumah BN yang dibina menitikberatkan keselesaan dengan keluasan 700 kaki persegi, 3 buah bilik, 2 buah bilik air serta dilengkapi lampu dan kipas.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Inisiatif Transformasi Luar Bandar ini merupakan dorongan untuk memastikan golongan belia meneruskan agenda pembangunan luar bandar, mengelakkan pengaliran tenaga kerja dan kepakaran golongan belia ke bandar, meningkatkan kualiti hidup kumpulan B40 di kawasan luar bandar serta memacu kepesatan pembangunan kawasan luar bandar. Sehubungan itu, sejumlah 2,000 unit rumah generasi kedua pekebun kecil RISDA dan 2,000 unit rumah generasi kedua peserta FELCRA Berhad akan dibina sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sebelas (2016 - 2020). Sasaran RISDA adalah membina sebanyak 100 unit Rumah BN buat permulaan bagi tahun 2016 dan sebanyak 475 unit rumah setiap tahun bagi tahun berikutnya sehingga tahun 2020 di seluruh negara. Sasaran ini bergantung kepada permohonan generasi kedua pekebun kecil RISDA. Selain itu, agensi-agensi lain di bawah KKLW turut mempunyai perancangan masa hadapan untuk melaksanakan Rumah Bina Negara bergantung kepada permintaan.

**8. Pada hari yang bertuah ini, suka saya umumkan bahawa seramai 100 permohonan telah diluluskan pada tahun ini dan 2 orang peserta bakal menerima replika kunci Rumah BN sebagai simbolik kepada penyerahan bagi Rumah BN yang telah siap dibina setakat ini. Sementara itu, wakil peserta dari negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis akan turut menerima surat kelulusan RBN pada hari ini.**

9. Semoga dengan Pelancaran RBN ini akan meningkatkan lagi semangat masyarakat luar bandar untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melihat kegiatan ekonomi dapat dipacu oleh masyarakat luar bandar khususnya Generasi Kedua Pekebun Kecil RISDA. Sebagai rakyat Malaysia, seharusnya yakin usaha Kerajaan ini adalah untuk kebaikan kita semua pada masa hadapan selain untuk meningkatkan taraf pemilikan ekuiti Bumiputera supaya seiring dengan pembangunan semasa.

10. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada RISDA atas kejayaan pelancaran RBN ini. Tahniah kepada semua penerima Rumah Bina Negara. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Pelancaran Program Rumah BN Peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.